



Tarikh: 02/11/2001 bersamaan 16 Syaaban 1422

• Keluaran Jumaat •

Bil: 17

## Dari Meja TNC (HEP)



Y. Bhg. Dato' Profesor Dr. Hashim Yaacob

## Pilihanraya

*P*ada 22 November ini, anakanda akan mengundi untuk memilih pemimpin pelajar. Pilihlah dengan baik dan keluarlah mengundi semuanya. Biarlah yang menang nanti itu akan menang kerana ramai yang menyokong – bukan kerana menang sebab sedikit sahaja yang keluar mengundi.

Bagi calon-calon dan penyokong, ayahanda harap tiada yang melanggar peraturan. Peraturan dibuat supaya kita boleh menjalankan tugas dengan sempurna, bukan untuk menyusahkan.

Kebelakangan ini ayahanda lihat banyak surat layang ditaburkan untuk memfitnah. Kalau anakanda ingin menyatakan pendapat, nyatakanlah dengan cara terhormat dan terbuka. Jangan jadi pengecut, menulis surat layang yang tiada bernama dan bertandatangan, memfitnahkan orang. Kalau ada orang yang menulis surat fitnah terhadap kita bagaimana? Kalau kita tidak suka dibuat begitu, maka kita pun janganlah berbuat begitu kepada orang.

### BERANI OMAR BERANI LAGI MUHAMMAD

Suatu pagi  
Muhammad mengatur barisan  
bersedia tekad  
pertahan Islam  
dari gempur Abu Sufian.

Omar Al-Khattab  
melihat barisan hatinya gulana, bertanya:

"Ya Rasul Allah  
Tuan mengatur demikian barisan  
berpandukan wahyu Allah  
atau ilham sendiri dari Tuan?"

"wahai sahatku Omar  
ini barisan ilhamku sendiri  
bukan wahyu dari Ilahi".

"kalau begitu Ya Rasul Allah  
barisan ini mudah terpecah.  
Izinkan hamba mengatur barisan"

"Berilah fikiranmu supaya kudengar hai sahabat  
aturkan barisan padat dan tepat  
aku manusia septimum jua".

Sayyidina Omar Al-Khattab  
Singa Allah  
berani bersuara kerana benar  
pahlawan sebenar di Tanah Madinah  
lantas mengatur barisan  
menyiap diri di medan perang.

Muhammad Rasul Allah  
selawat dan salam ke atas junjungan.  
Kaulah pemimpin agung.  
Berani mengubah kerana luhur.  
Berani Omar bersuara  
berani lagi Muhammad menerima.

Maka bertempur di Badar:  
Tentera Allah berani dijalan benar  
Musuh sompong dijalan sesat.

Bagaikan batu  
hancur jadi debu  
Musuh lebur di tangan muslimin luhur.

Berani Omar bersuara  
berani lagi Muhammad menerima.

\*\*\* Hashim Yaacob  
TNC (HEP)

# Secangkir Kopi Kelat....



Abdul Jalil  
Othman

Ada orang gemar bersikap *low profile*. Mereka lebih selesa begini. Pada mereka, cara ini lebih selamat. Tidak akan ada orang yang terasa terancam. Tidak ada pula orang yang akan menyakiti hati mereka.

Ada pula orang sangat suka untuk bersikap *high profile*. Mereka juga berasa sangat selesa begini. Pada anggapan mereka, dengan cara ini orang akan mengenali mereka. Lalu jadilah mereka popular. Menonjol secara begini akan dapat menjadikan mereka lebih berpengaruh.

Walau apapun, sama ada kita suka bersikap *low profile* atau *high*

*profile* tidak ada salahnya. Yang salah hanya tingkah laku kita sahaja. Namun, dalam keadaan-keadaan tertentu, kalau kita terlalu bersikap *low profile*, orang mudah pijak kepala kita. Orang mudah jadikan kita sebagai kambing hitam. Lalu kita mudah diperlekehkan. Jika kita terlalu bersikap *high profile* pula, ada bahayanya juga. Kita mudah mengundang kutukan atau kebencian. Ini kerana, bukan semua yang gemar sikap sedemikian.

*Lain dulang lain kakinya  
Lain orang lain hatinya*

Sebagai ingatan, janganlah terlalu bersikap *low profile* secara tidak bertempat, sehingga orang tidak

tahu siapa kita dan apa yang ada pada kita. Janganlah pula terlalu *high profile* secara tidak menentu, sehingga ada orang menyampah dengan kita. Pilihlah suasana yang betul untuk kedua-dua sifat tersebut, asalkan kita tidak bersikap hipokrasi.

Ertinya, bukanlah mudah orang menghormati kita jika kita terlalu *low profile*. Juga, bukanlah mudah orang menggemari kita jika kita terlalu *high profile*. Bak kata ungkapan ini, *some people carry their hearts in their heads, while others carry their heads in their hearts. The difficulty is to keep them apart, and yet both actively working together.* **HEP**

Email: abjalil@hotmail.com

## Mahasiswa dan Kebijaksanaan Menilai

oleh: Mohd Fakhrulrazi Ibrahim

Apabila mahasiswa ingin mengadakan program Operasi Khidmat Masyarakat (OPKIM) di mana-mana kampung, maka masyarakat kawasan tersebut berasa cukup gembira dan bertuah. Ini kerana mereka akan mendapat anak angkat yang bijak dan berpendidikan tinggi. Penghormatan yang diberikan kepada mahasiswa terbabit pastinya tinggi bersama harapan agar jalinan silatulrahim itu diwarnai dengan perkara yang baik dan bermanfaat.

Di samping program seperti OPKIM, banyak lagi program yang berfaedah dianjurkan oleh mahasiswa. Program-program tersebut mendapat sokongan pihak HEP. Sokongan yang diberikan bertujuan untuk memberi pengalaman dan kemahiran yang tidak terdapat di Dewan Kuliah atau Bilik Tutorial di samping membuka minda mahasiswa.

Dalam kecerdikan mahasiswa, masih terdapat segelintir yang dungu dan berfikiran sempit. Mereka tidak mampu menilai yang mana buruk, yang mana baik. Yang mana bermanfaat, yang mana membazir. Lantas berbagai pandangan diberikan bagi sesuatu perkara berasaskan pemikiran yang sempit, pandangan yang cetek dan kepentingan diri yang

melampau. Mahasiswa seperti ini mengecewakan kita dan tentunya membazirkan banyak wang negara yang disediakan untuk pengajian mereka.

Mahasiswa perlu bijak menilai sesuatu perkara yang berlaku. Penilaian itu perlu berasaskan kepada rasional yang baik dan pandangan yang terbuka. Melihat sesuatu itu perlulah dengan pandangan yang positif melebihi yang negatif. Masalah sering timbul andainya mahasiswa terlalu meletakkan diri sebagai orang yang berhak bagi apa-apa perkara biarpun hakikat sebenarnya mereka bukan orang yang berhak. Menilai hak diri sendiri perlulah dengan akal yang waras dan bukannya emosi yang tidak dikawal. Mahasiswa tetap mahasiswa, yang perlu berusaha gigih dalam pengajian mereka. Bukannya berbicara perkara yang tidak ada hujung pangkalnya.

Mahasiswa! Anda semua perlu faham hakikat sebenar kehidupan. Menilai sesuatu biarlah dengan hasrat yang baik dan niat yang suci. Seseorang yang bijak menilai adalah mereka yang berupaya membezakan kepentingan diri dan kepentingan semua orang. Apa yang benar katakan benar dan apa yang salah nyatakan salah. Banyak teladan baik yang boleh kita contoh dan banyak pengalaman buruk yang boleh kita hindari. Semua itu mungkin datang dari diri kita sendiri atau berdasarkan kehidupan orang lain. Yang penting, mahasiswa tahu di mana asas dan kebijaksanaan untuk menilai sesuatu perkara.

# MAHASISWA PERLU TAHU

## Ujian Aptitude Pembantu Mahasiswa

Setiap tahun, Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) akan mengadakan proses pemilihan Pembantu Mahasiswa (PM) bagi membantu Universiti mengendalikan Minggu Haluansiswa. Untuk sesi 2002/2003, proses pemilihan PM diadakan seperti biasa. Notis Pembantu Mahasiswa, pemberitahuan Ujian Aptitude dan Borang Pembantu Mahasiswa telah dikeluarkan untuk makluman dan tindakan mahasiswa yang berminat dan berkelayakan.

Ujian Aptitude telah ditetapkan pada 10 November 2001, bertempat di Bangunan Peperiksaan Universiti Malaya. Mahasiswa boleh memilih mana-mana masa yang sesuai untuk menjalani ujian tersebut selama satu jam antara jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang berdasarkan genap masa setiap jam. Kegagalan mahasiswa menghadiri ujian ini akan menyebabkan mana-mana mahasiswa tidak dibenarkan melalui proses seterusnya dan akan dikeluarkan daripada senarai calon PM sekalipun telah mengisi borang permohonan sebagai Pembantu Mahasiswa.

Untuk mahasiswa yang hadir menjalani Ujian Aptitude, namun tidak mengisi borang permohonan PM juga tidak akan dipertimbangkan. Borang yang diisi mestilah memenuhi segala syarat dan keperluan yang telah ditetapkan.

## Majlis Penyampaian Hadiah Festival Seni UM

Festival Seni UM 2001 telah bermula pada 1 November 2001 dan akan berakhir pada 13 November 2001. Festival ini akan diakhiri dengan majlis penyampaian hadiah untuk pemenang bagi setiap kategori pertandingan. Juara-juara bagi setiap kategori akan mempersembahkan persembahan terbaik mereka pada malam tersebut di **Auditorium** Kompleks Perdanasiswa. Seluruh mahasiswa dan warga kampus dijemput hadir dan jangan lepaskan peluang ini.

Pusat Kebudayaan, Universiti Malaya

## ETIKET DAN PROTOKOL

### Tatacara Dalam Majlis Rasmi:

Dalam sesuatu majlis seringkali kedengaran rungutan daripada pihak penganjur tentang adanya tetamu yang tidak mengikut peraturan. Di samping itu kedengaran juga rungutan daripada pihak tetamu yang menyatakan pihak penganjur majlis tidak membuat persiapan yang teratur. Kesemua ini boleh dielakkan jika kedua-dua belah pihak dapat memahami kesulitan masing-masing. Yang berikut adalah perkara-perkara penting yang perlu diketahui oleh kedua-dua belah pihak bagi menjamin kelancaran pengendalian sesuatu majlis:

#### Kecacatan majlis yang disebabkan oleh penganjur.

- (i). Penyediaan senarai jemputan atau undangan yang tidak sempurna: *Terdapat tetamu yang patut diundang tetapi tidak diundang dan ada yang tidak patut diundang tetapi diundang.*
- (ii). Pemilihan tempat yang tidak sesuai.



## Wise Words

It is the mind that maketh good of ill, that maketh wretched or happy, rich or poor

 Edmund Spencer

Sumbangan:  
Puan Rohani Ramly

- (iii). Kesesuaian masa: *Kadangkala terdapat majlis yang bermula jam 7.30 malam, waktu yang tidak sesuai bagi umat Islam. Majlis pada waktu malam hendaklah bermula selepas jam 8.30 malam kecuali majlis keagamaan yang diadakan di masjid.*
- (iv). Masa pengedaran kad jemputan terlalu singkat: *Keadaan ini akan menyebabkan para jemputan menjawab kehadirannya dalam keadaan tergesa-gesa dan menimbulkan perasaan serba salah kerana mungkin ada atur cara lain pada masa yang sama.*
- (v). Atur cara majlis yang terlalu panjang: *Boleh menyebabkan para tetamu berasa bosan untuk menunggu hingga tamat majlis.*
- (vi). Susunan tempat duduk yang tidak betul.
- (vii). Pemilihan menu yang tidak sesuai bagi jamuan teh atau jamuan makan.
- viii. Kemudahan atas tidak mencukupi seperti tempat rehat, tempat letak kereta, pintu masuk dan pintu keluar yang sempit dan yang sebagainya.

#### Tanggungjawab apabila menerima kad jemputan:

- i). Membaca kad jemputan.
- ii). Meneliti tujuan jemputan.
- iii). Meneliti tarikh, hari dan masa majlis.
- iv). Meneliti tempat majlis diadakan.
- v). Meneliti pakaian yang ditetapkan.
- vi). Membuat keputusan.
- vii.) Menjawab dengan segera

Bersambung pada keluaran ke-18..

# Kenali Warga HEP

B

eliau dilahirkan pada 28 November 1946 di Melaka. Memulakan tugas di Universiti Malaya pada 2 Mei 1975 sebagai Pembantu Am Rendah di Jabatan Pengajian Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Beliau berpindah ke Bahagian Hal Ehwal Pelajar (HEP) pada 2 Oktober 1975 hingga sekarang dan akan **bersara** pada 30 November 2001.

Sebagai seorang yang cukup berpengalaman dalam melaksanakan tanggungjawab di Universiti Malaya, beliau berharap agar kakitangan universiti ini khususnya di HEP mengamalkan sikap yang positif dan menjauhkan diri daripada nilai kehidupan yang negatif. "Rajin dan jangan malas dengan tanggungjawab yang ada. Jangan irihati dengan orang lain dan elakkan berpura-pura ketika menjalankan kerja. Jadikan diri kita sebagai orang yang disenangi dan tidak bersikap hipokrit."

Harapannya untuk mahasiswa ialah sentiasa berusaha mencapai kecemerlangan akademik. "Jangan lupa diri apabila berjaya nanti. Jangan menipu diri sendiri atau memfitnah orang lain demi mengaut keuntungan peribadi." Dengan pengalaman yang ada, beliau berharap agar mahasiswa belajar dengan seronok dan jangan membazirkan masa untuk perkara yang tidak berfaedah.

**Moto Hidup:** *Manfaatkan yang baik itu untuk faedah bersama. Jauhkan yang buruk itu demi kebaikan semua.*



Sulaiman Mohd

## Pemimpin Persatuan Pelajar

### Presiden JTK Kolej Kediaman Seksyen 17

Saudara **Nik Ahmad Faris Nik Muhammad Ariffin** berasal dari Kelantan merupakan **Presiden JTK Kolej Kediaman Seksyen 17** bagi sesi 2001/2002. Sebelum ini, beliau pernah melibatkan diri dengan berbagai aktiviti seperti program OPKIM Sarawak 98, dan beberapa aktiviti yang lain. Beliau juga pernah mewakili Malaysia di atas nama Universiti Malaya ke Asia Pacific English Presentation (APEC) di Jepun.



Nik Ahmad Faris

Beliau kini mengikuti Kursus Ijazah Sarjana Muda Perakaunan di Fakulti Perniagaan dan Perakaunan tahun akhir. Beliau meletakkan asas saling mempercayai dan yakin terhadap kebolehan diri dan orang lain sebagai langkah terbaik untuk memajukan diri.

**Motto Hidup:** Berusaha untuk memajukan diri dan tidak mudah menyerah kalah kepada takdir.

**Harapan:** Meletakkan harapan agar mahasiswa semakin matang dan rasional dalam menghadapi isu-isu semasa sama ada melibatkan diri mahasiswa atau orang lain.

## Dairi HEP

**2 hingga 8 November 2001**

■ Program Jatidiri Rakan Muda BPR 2001 akan diadakan di Kem Bina Negara, Meru, Klang. Pelajar Universiti Malaya turut menyertainya.

**1 hingga 13 November 2001**

■ Festival Seni Universiti Malaya akan diadakan di kampus ini. Semua dijemput hadir.

**10 November 2001**

■ Ujian Aptitude Pembantu Mahasiswa 2002/2003 bertempat di Dewan Peperiksaan, Universiti Malaya jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang. Mahasiswa yang berminat diwajibkan menghadiri ujian ini.

## Makluman

Sebarang penulisan membina dan iklan-iklan yang ingin dimuatkan di dalam Bicara HEP boleh dikemukakan kepada:

### Bahagian Hal Ehwal Pelajar

Blok E, Kompleks Perdanasiswa Universiti Malaya.

Untuk perhatian:

Encik Mohd Fakhrulrazi atau Encik Abdul Razak Halifa

Tel: 79673563/3291 Faks: 79568611

• • Redaksi • •

### Penasihat

Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hashim Yaacob  
Timbalan Naib Canselor (HEP)

### Penggerak/Jawatankuasa

Puan Rohani Ramly  
Encik Mohd Fakhrulrazi Ibrahim  
Encik Abdul Razak Halifa  
Encik Azim Aziz  
Encik Mohd Na'a'im Muhd Noh